

TEKS UCAPAN ALUAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN SEMINAR INSTITUSI RAJA (SIRaj) 2013
PADA 5 JUN 2013 (RABU) JAM 9.30 PAGI
DI LANAI KIJANG, BANK NEGARA MALAYSIA KUALA
LUMPUR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Salam Perlis, 'Raja Ditaati, Rakyat Dirahmati, Negeri Disanjungi'

SALUTASI RAJA

Mengadap Raja Perlis, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, dan Raja Perempuan Perlis Duli Yang Maha Mulia Tuanku Tengku Fauziah Binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid.

Sesungguhnya patik dan seluruh warga Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Duli-Duli Tuanku bercemar duli berangkat hadir dan seterusnya bertitah serta merasmikan Seminar Institusi Raja pada tanggal yang mulia iaitu hari ini 5 Jun 2013 bersamaan 26 Rejab 1434 Hijrah.

Tidak syak lagi keberangkatan Duli-Duli Tuanku jelas menunjukkan keprihatinan Tuanku bukan sahaja terhadap kepentingan Institusi Raja, malah terhadap rakyat jelata bila mana melalui seminar ini satu pendedahan khusus mengenai institusi Raja akan dibincangkan secara terperinci bagi memberi kefahaman kepada rakyat sekalian.

Justeru tiada kata-kata yang dapat patik nyatakan untuk menggambarkan betapa syukur dan gembiranya patik-patik sekalian menyambut keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berdua pada hari ini.

Ampun Tuanku

Patik juga ingin merafak sembah, menjunjung penuh kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Tuanku Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan, Tuanku Zara Salim.

Patik juga bagi pihak UniMAP dan tetamu yang hadir pada hari ini menjunjung setinggi-tinggi kasih dan penghargaan di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan yang berkenan untuk menyampaikan titah ucaptama sebentar sahaja lagi.

Ampun Tuanku,

Patik juga merafak sembah menjunjung kasih atas keberangkatan Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Tuanku Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Pro-Canselor UniMAP kerana sudi bercemar duli menghadiri majlis pada pagi ini.

Sesungguhnya kehadiran Duli-Duli Tuanku pada pagi ini memberi seribu kemeriahian kepada patik-patik warga UniMAP dan keseluruhan yang hadir pada Seminar Institusi Raja (SIRaj) 2013 yang diadakan sempena Sambutan Ulangtahun Hari Keputeraan ke - 70 Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis.

Ampun Tuanku, Dengan ini patik memohon limpah perkenan Duli-Duli Tuanku untuk patik memberikan ucapan sepatah dua kata kepada para hadirin sekalian. Ampun Tuanku.

SALUTASI

- 1. YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR PERAK DAN YANG AMAT BERBAHAGIA DATIN SERI**
- 2. YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR PERLIS DAN ISTERI.**
- 3. YANG AMAT BERBAHAGIA ORANG KAYA BENDAHARA SRI MAHARAJA DAN YANG AMAT BERBAHAGIA PUAN SRI.**
- 4. YANG BERHORMAT MENTERI-MENTERI KABINET.**
- 5. YANG AMAT MULIA-YANG AMAT MULIA TENGKU-TENGKU BERGELAR, PUTERA-PUTERI DAN KERABAT DIRAJA.**
- 6. YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS.**
- 7. AHLI-AHLI YANG BERHORMAT.**
- 8. YANG BERBAHAGIA DAN YANG DIHORMATI PEGAWAI-PEGAWAI TERTINGGI PERSEKUTUAN**
- 9. YANG AMAT BERBAHAGIA TUN DAN YANG BERBAHAGIA TAN SRI, DATO' SERI, DATO' – DATO'.**
- 10. YANG BERBAHAGIA PEGAWAI-PEGAWAI KANAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA.**
- 11. YANG BERBAHAGIA PENGERUSI DAN AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**
- 12. YANG BERBAHAGIA NAIB-NAIB CANSELOR IPTA**
- 13. Wakil-Wakil Media, Para Peserta SIRaj 2013 Dan Seterusnya Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian.**

Selamat pagi, Good Morning, Zao Shang Hao, Kaalai Vanakam, Saba' Hun Khair.

KATA ALUAN

1. Segala puji-pujian dan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah Subbahau Wa Taala di atas limpah kurnia serta rezeki yang dicurahkan, kasih dan sayangNya mengizinkan kita semua hambaNya untuk bersama-sama berkumpul pada pagi yang penuh barakah ini dalam Seminar Institusi Raja (SIRaj) 2013 yang julung kali diadakan pada tahun ini bersempena Sambutan Ulangtahun Hari Keputeraan ke – 70 Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis.
2. Terima kasih saya titipkan buat semua pihak yang sudi hadir dan memberi sokongan penuh atas penganjuran seminar ini sehingga Seminar Institusi Raja (SIRaj) 2013 berjaya dianjurkan dengan lancar dan jayanya. Walaupun sibuk dengan pelbagai komitmen lain, kehadiran Yang Amat Berbahagia Tun, Tan Sri, Dato Sri, Dato', Tuan dan Puan ke seminar ini telah membuktikan komitmen jitu Yang Amat Berbahagia Tun, Tan Sri, Dato Sri, Dato', Tuan dan Puan terhadap kepentingan memahami Institusi Raja dengan lebih mendalam. Semoga keberadaan Yang Amat Berbahagia Tun, Tan Sri, Dato Sri, Dato', Tuan dan Puan dalam seminar ini akan membantu memberi pemahaman kepada diri Yang Amat Berbahagia Tun, Tan Sri, Dato Sri, Dato', Tuan dan Puan sendiri dan juga mereka yang bergelar generasi Y hadir dengan harapan untuk lebih memahami Institusi Raja yang acapkali menjadi sebutan akhir-akhir ini.
3. Setulus penghargaan saya kalungkan buat penganjur bersama dan semua penaja-penaja SIRaj 2013 yang memberi sokongan sejak dari awal cadangan untuk mengadakan SIRaj hingga SIRaj 2013 terlaksana pada hari ini. Komitmen serta kerjasama yang diberikan oleh semua pihak dalam memastikan kelancaran SIRaj 2013 pada hari ini amatlah saya dan seluruh warga UniMAP menghargainya.

Semoga kerjasama sebegini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang. Berikan tepukan kepada...

1. Pejabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu
2. Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri
3. Jabatan Warisan Negara
4. Yayasan Tuanku Syed Putra
5. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
6. Jemaah Dato-Dato Perlis
7. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia
8. Permodalan Nasional Berhad
9. CIMA Berhad
10. Perbadanan Filem Negara Nasional Malaysia (FINAS)
11. Radio Televisyen Malaysia (RTM)
12. Utusan Malaysia
13. Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
14. Polis DiRaja Malaysia (PDRM)
15. Jabatan Kerja Raya
16. Vertical Impact Sdn. Bhd.
17. Dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penganjuran SIRaj 2013 yang mana mungkin namanya tertinggal dalam senarai yang saya sebutkan sebentar tadi. Terima kasih diucapkan.

4. Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada **Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia UniMAP (PKIRM)** yang mengambil tanggungjawab melaksanakan Seminar Institusi Raja (SIRaj) 2013 ini. Untuk makluman para hadirin, PKIRM adalah sebuah pusat bagi memberi pengetahuan dan memperkuuhkan Institusi Raja dalam masyarakat Malaysia.

5. PKIRM berhasrat untuk menjadi pusat rujukan dan kajian yang menyumbang kepada penghayatan dan perkembangan ilmu dan peranan Institusi Raja. InsyaAllah di masa akan datang, PKIRM UniMAP akan menjadi pusat dokumentasi atau data bank bagi Institusi Raja dan menjadi rujukan dari serata pelusuk dunia. Hal ini kerana saya difahamkan bahawa, sehingga kini maklumat mengenai Institusi Raja masih tidak dikemaskini oleh mana-mana pihak.

6. Oleh itu, In Sha Allah, PKIRM UniMAP akan mengambil dan melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh dedikasi. Untuk makluman, SIRaj 2013 adalah projek pertama yang dihasilkan oleh PKIRM UniMAP. Berikan tepukan kepada PKIRM UniMAP dan usaha bagi memartabatkan Institusi Raja akan terus dilaksanakan dari masa ke masa. In Sha Allah.

INSTITUSI RAJA

Hadirin sekalian,

7. Malaysia sebuah negara merdeka sejak 1957 yang telah didokong kuat oleh Institusi Raja yang menjadi tunggak kedaulatan negara ini. Hari ini, Institusi Raja telah diterima sebagai Raja Berpelembagaan dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh negeri. Ini bermakna kehadiran Duli-Duli Tuanku dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran Negara adalah sah dari segi perlembagaan dan undang-undang negara.

8. Institusi Raja adalah unsur penting dalam pemerintahan dan pentadbiran Malaysia. Hal ini adalah seperti yang termaktub dalam **Perkara 39 (Kuasa Eksekutif Persekutuan), Perkara 70 (Keutamaan Raja dan Yang di-Pertua Negeri), Perkara 71 (Jaminan**

**Persekutuan terhadap Perlembagaan Negeri) dan Perkara 181
(Kecualian bagi kedaulatan dan sebagainya, Raja-Raja).**

9. Manakala, Majlis Raja-Raja seperti yang termaktub dalam perlembagaan Malaysia, Perkara 38 (Majlis Raja-Raja) adalah sebuah institusi yang menjaga kedaulatan negara dari segi dasar dan perundangan negara selain turut menjaga hal ehwal orang Melayu dan juga Agama Islam.
10. Saya sangat tertarik apabila membaca titah Raja oleh **Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah** pada Kongres Majlis Agama Islam Negeri seluruh Malaysia pada 26 September 2011 di Dewan Merdeka. Antara perkara yang dititahkan oleh Baginda adalah 7 Wasiat Raja-Raja Melayu yang mengiringi perlembagaan negara.

7 Wasiat yang diterjemahkan dalam perlembagaan persekutuan

- 1) **Malaysia- Perkara 1 (Nama, Negeri-negeri dan Wilayah-wilayah Persekutuan)**
- 2) **Tanah Simpanan Melayu - Perkara 89 (Tanah Rizab Orang Melayu)**
- 3) **Rejimen Askar Melayu - Seksyen Akta Angkatan Bersenjata 1972**
- 4) **RAJA -RAJA MELAYU - Perkara 32 (Kepala Utama Negara Bagi Persekutuan dan Permaisurinya)**
- 5) **ISLAM - Perkara 3 (Agama bagi Persekutuan)**
- 6) **BAHASA MELAYU - Perkara 152 (Bahasa Kebangsaan)**
- 7) **KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU DAN KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN - Perkara 153 (Perizaban Kuota Mengenai Perkhidmatan, Permit dan Sebagainya Untuk Orang Melayu)**

11. Jika dilihat kepada 7 Wasiat tersebut sendiri telah menunjukkan betapa pentingnya Institusi Raja dalam negara ini. Hal ini kerana 7 Wasiat tersebut tidak boleh dipinda dalam perlembagaan semata-mata melalui suara majoriti dua pertiga ahli-ahli Dewan Rakyat atau ahli-ahli Dewan Negara tanpa perkenan Raja-Raja. Hal ini kerana Institusi Raja berfungsi sebagai payung kepada rakyat keseluruhannya.
12. Perkara mengenai 7 Wasiat ini akan dikupas dengan lebih mendalam oleh pembentang utama kita iaitu **Profesor Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Adam, Pengarah Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia, UniMAP** pada petang nanti. Saya pasti penjelasan beliau nanti akan memberikan pemahaman jitu buat para peserta.

Hadirin sekalian,

13. Institusi Raja Malaysia adalah satu institusi yang mempunyai sejarah yang panjang dan merupakan pemangkin (catalyst) tamadun bangsa dan negara Malaysia. Ia merupakan pusat segala pertumbuhan sistem pemerintahan dan pentadbiran, politik, ekonomi, sosial dan budaya masyarakat sejak zaman berzaman. Institusi Raja adalah tonggak tamadun bangsa yang telah diakui oleh semua Negara luar sejak zaman dahulu sehingga kini.
14. Sebagai warganegara Malaysia, seharusnya kita sedia maklum bahawa Institusi Raja Malaysia tetap relevan dari dahulu, kini dan masa akan datang. Institusi Raja adalah sebuah institusi terunggul yang mengurus tadbir negara dan menjadi payung kepada badan legislatif, eksekutif dan kehakiman. Statusnya adalah utuh sepanjang zaman dan tidak boleh diperkotak-katikkan oleh sesiapa juar.

15. Malah institusi ini tidak akan lapuk ditelan zaman kerana Institusi Raja Malaysia adalah sebuah institusi yang relevan dan berkuasa dalam pemerintahan, - yang memegang amanah untuk menyatupadu dan mempertahankan hak serta kedaulatan orang-orang Melayu dan rakyat keseluruhannya. Inilah yang kita namakan sebagai sifat prihatin. Sejak zaman berzaman Raja-Raja Melayu sememangnya memiliki sifat prihatin terhadap bangsa dan kesucian agama iaitu dua perkara yang sangat dekat di hati Raja-Raja Melayu.
16. Perkara ini dapat dilihat sejak dari zaman penjajah lagi, apabila Raja-Raja Melayu senantiasa inginkan keseimbangan terhadap peribumi dalam setiap program yang diperkenalkan oleh penjajah dari segi pendidikan, pertahanan, pekerjaan, penghijrahan dan pelbagai lagi.
17. Sifat prihatin Raja-Raja Melayu masih utuh sehingga ke hari ini. Saya berharap kepada segenap generasi warga Malaysia supaya dapat merenung kembali, meneliti semula, berfikiran rasional akan kepentingan Institusi Raja dalam pelembagaan negara Malaysia yang kita kasihi ini. Janganlah terpengaruh dengan hasutan yang tiada berarah, hanya sekadar bersorak riang tanpa sedar tanah bertuah ini mungkin tergadai dek kerakusan manusia derhaka. *Nauzubillah min zalik...* “*Kami berlindung dengan Allah daripada perkara (perkara buruk) tersebut (daripada menimpa kami)*”. Kepada para peserta Seminar, ambillah peluang ini dengan sebaiknya untuk memahami Institusi Raja dan kepentingan institusi ini bukan sahaja kepada negara malah kepada keseluruhan rakyatnya.
18. Oleh itu, percayalah sekiranya Institusi Raja dilemahkan, orang Melayu sendiri khasnya dan rakyat Malaysia keseluruhannya akan hilang pedoman. Malah paksi kekuatan jatidiri rakyat Malaysia dengan mudah akan diperkotak-katikkan oleh mereka lain yang

senantiasa berusaha ingin menidakkannya kepentingan Insititusi Raja yang memelihara kepentingan negara Malaysia yang kita kasihi ini dan rakyat keseluruhannya.

19. Justeru itu, UniMAP dengan sokongan padu pelbagai pihak telah berinsiatif untuk mengadakan Seminar Institusi Raja (SIRaj) 2013 yang berusaha memartabat dan melestarikan Institusi Raja ini ke seluruh masyarakat Malaysia khususnya. Ini adalah untuk menghayati peranan Raja dalam Sistem Raja Berpelembagaan di Malaysia. Di samping itu, pihak UniMAP berhasrat untuk berkongsi corak Pemerintahan Beraja di negara-negara jiran yang turut mempunyai Institusi yang sama.

PENUTUP

20. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan penghargaan kepada para penaja Seminar Institusi Raja 2013.

21. Terima kasih dan tahniah juga kepada **Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia, UniMAP** yang diamanahkan tanggungjawab untuk menguruskan SIRaj 2013 yang julung kali diadakan ini. Alhamdulillah kerana seminar ini berjalan seperti yang direncanakan. Oleh itu, terimalah dua rangkap pantun daripada saya sebagai penutup ucapan ini.

**SIRaj 2013, sebagai medan,
Prihatinnya Tuanku, kasih bercambah,
Selagi nyawa, dikandung badan,
Patik sekalian, menjunjung sembah.**

**Bidikkan senapang, di padang sasar,
Ledakan peluru, memecah keheningan,
Laksanakan SIRaj, bermatlamat besar,
Agar Institusi Raja, terus dimartabatkan.**

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata, patik mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi kepada ke bawah Duli Duli Tuanku kerana telah sudi bercemar duli berangkat ke Seminar Institusi Raja ini.

Dirgahayu Tuanku, Dirgahayu Tuanku, Dirgahayu Tuanku.

Patik sudahi dengan Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.